

J0000000 248

J000028464



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KAJIAN KE ATAS KESEDARAN DAN KESEDIAAN
DALAM MEMPELBAGAIKAN PENDAPATAN
MASYARAKAT NELAYAN KAMPUNG BUNTAL**

OLEH :

**ABG DZULKHUNAINI BIN ABG MORNI
PARSEH BIN KAHAR
SALLEH BIN KABE
SEMAN BIN OLEL
WAN ABDULLAH BIN WAN BUJANG**

**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN
KEPADA
FAKULTI PENTADBIRAN & UNDANG-UNDANG
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN SARAWAK
KUCHING**

APRIL 1998

KANDUNGAN

BAB TAJUK	M/S
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
1.0 Latarbelakang Kajian	1
1.1 Ojektif	3
1.2 Methodologi	4
1.3 Skop Kajian	4
1.4 Had – Had Kajian	5
2.0 Mengenal Pasti Keadaan Semasa Mengenai Permasalahan Aktiviti Dan Implikasinya Terhadap Pendapatan Mereka Sekiranya Keadaan Ini Berterusan	6
2.1 Pengenalan	6
2.2 Permasalahan Yang Dihadapi	7
2.2.1 Kesan Aktiviti Manusia	7
2.2.2 Perkakasan	8
2.2.3 Gangguan Aktiviti	8
2.2.4 Sistem Pemasaran	10
2.2.5 Usia	10
2.3 Implikasinya Atau Kesannya Terhadap Pendapatan Mereka	10
2.3.1 Kesan Pemendapan	11
2.3.2 Perkakasan	12
2.3.3 Gangguan Aktiviti	12
2.4 Prospek Dan Masa Depan Perusahaan Perikanan Jika Keadaan Ini Berterusan	14
3.0 Kesediaan Masyarakat Nelayan Kampung Buntal Untuk Menerima Perubahan, Faktor Yang Mendorong Dan Industri Yang Berpotensi Untuk Mempelbagaikan Pendapatan	16

ABSTRAK

KAJIAN KE ATAS KESEDIAAN DAN KESEDARAN DALAM MEMPELBAGAIKAN PENDAPATAN MASYARAKAT NELAYAN KAMPUNG BUNTAL

Kajian ini bertujuan untuk mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai aktiviti penelayaan di kawasan ini kerana secara khususnya fenomena permasalahan nelayan bukan lagi perkara baru kepada kita semua malah kegiatan ekonomi tradisi orang melayu sering dipersoalkan apabila timbul isu-isu tentang kemiskinan. Sekiranya tiada pendekatan yang lebih konkrit lagi digunakan untuk menyelami dilema mereka maka besar kemungkinan kepupusan pekerjaan tradisi orang melayu akan terjadi. Maka atas inisiatif ini kajian yang cuba untuk diketengahkan terhadap masyarakat nelayan Kampung Buntal ialah untuk menghurai dan membincangkan seberapa yang dapat tentang kepekaan mereka dalam situasi semasa. Di samping itu sejak akhir-akhir ini aktiviti nelayan di sini tidak begitu menyerlah dan popular disebabkan orang lebih kenal dengan gerai makanan laut dan pantainya. Kesimpulannya kajian ini akan cuba membawa pembaca untuk mengetahui sedikit sebanyak tentang kehidupan sebenar yang dialami oleh masyarakat nelayan di sini.

1.0 LATARBELAKANG KAJIAN

Buntal adalah sebuah perkampungan nelayan yang terletak kira-kira 31 KM dari bandaraya Kuching dan majoriti penduduknya terdiri dari orang melayu serta sebilangan kecil kaum Cina. Dari segi kedudukan geografinya terletak di persisiran pantai menghadapi laut Cina Selatan. Kedudukan yang strategik ini telah menyebabkan aktiviti penangkapan ikan menjadi sumber pendapatan sebahagian penduduknya terutamanya masyarakat Melayu. Menurut banci penduduk tahun 1991 bilangan penduduknya berjumlah seramai 1634 orang.

Walaupun bagaimanapun sejak era 90an aktiviti ini tidak memberi pulangan yang dapat menjamin masa depan mereka. Suasana yang sedemikian adalah disebabkan hasil tangkapan ikan yang dibuat tidak begitu memuaskan berbanding sebelumnya.

Permintaan yang banyak sedangkan penawaran ikan-ikan hanya sedikit sahaja telah menyebabkan manusia menjadi rakus sehingga memusnahkan ekosistem ikan. Oleh itu, bekalan ikan telah berkurangan dan memberi kesan jumlah tangkapan.

Di samping itu kemerosotan yang ketara kepada pendapatan juga mempunyai perkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh nelayan dalam kegiatan harian mereka.

Di samping itu juga nelayan di kawasan ini di kategorikan sebagai tradisional yang dikatakan banyak ketinggalan dalam pelbagai aspek yang berkaitan dengan perikanan seperti perkakasan, pemasaran dan sebagainya.

BAB 2

2.0 MENGENAL PASTI KEADAAN SEMASA MENGENAI PERMASALAHAN AKTIVITI DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PENDAPATAN MEREKA SEKIRANYA KEADAAN INI BERTERUSAN

2.1 Pengenalan

Kita seringkali mendengar keluhan dan rintihan para nelayan di negara ini berkaitan dengan permasalahan yang di hadapi mereka melalui akhbar majalah, tulisan dan media massa yang lain disebabkan dilema seperti ini telah turut mempengaruhi taraf hidup mereka.

Suasana sedemikian turut terasa oleh masyarakat nelayan di Kampung Buntal yang bergantung hidup pada rezeki laut. Kehidupan mereka sebagai nelayan ini tidak menjanjikan pulangan yang setimpal pada setiap hari. Risiko yang perlu di hadapi adalah sebenarnya keatas pendapatan mereka yang secara tidak langsung membentuk kehidupan mereka.

Apa yang dikatakan sebagai permasalahan bagi mereka ini ialah sesuatu perkara atau kejadian yang boleh mengakibatkan hasil tangkapan mereka terjejas berbanding dengan keadaan sebelumnya. Permasalahan ini di katakan wujud apabila dari sudut pulangan yang di dapati tidak memadai bagi mereka untuk memperbaiki tingkat kehidupan.